



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **31 Mar 2021 (Rabu)**

#### **Berita Harian**

Penalti RM10 juta, penjara mandatori cemar sungai wajar	1
Bekalan air 3 kawasan dijangka pulih esok	2

#### **Utusan Malaysia**

Sasar pelaburan RM1000b	3
'Sajat, datanglah jumpa kami di JAIS'	4
15 lori tangki air di kawasan terjejas	5

#### **Harian Metro**

Kadar takungan air melebihi 90 peratus	6
Hulur sumbangan bantu komuniti	7
Simpan air lebih awal	8

#### **Kosmo**

Buruan polis, MAIS	9
MBSA tawar hadiah fotografi	10

#### **Sinar Harian**

Air Selangor lakukan kerja pengalihan, penyambungan paip	11
Kadar takungan air empangan Selangor lebih 90 peratus	12
'Kami terpaksa mandi di plaza tol'	13
Budaya rasuah kini berevolusi	14
Kerajaan Selangor sokong Tabung Infaq Ramadan Mapim	15
Hijrah Selangor bantu 70,752 usahawan	16

#### **Bernamea Radio 24**

Kadar tanggungan air seluruh empangan selangor melebihi 90 peratus	17
--	----

#### **Selangor TV**

496 Ketua Kampung Dapat Perlindungan Insurans	18
ECRL: Selangor Bukan Punca Projek Lewat Dan Rugi	19
Empangan Mungkin Menurun, LUAS Proaktif Jamin Bekalan	20
KISS: 300 Ibu DUN Balakong Terima Manfaat, Hanya Yang Layak	21
MB: PBT Digesa Bantu Peniaga, Mudahkan Permohonan Lesen	22
MB: Sembilan Kes Cemar Air Berjaya Dikawal, Elak Henti Tugas	23
Reka Video Norma Baharu Covid-19, Hadiah Berjumlah RM10,000 Menanti	24
Reka Video Norma Baharu, RM10,000 Menanti Pemenang	25
Selangor Nafi Jadi Punca ECRL Lewat, Rugi	26
Selangor Sambut Hari Air Sedunia Peringkat Negeri 2021	27
Tabung Infaq Ramadan MAPIM Bantu Asnaf 17 Negara	28
Usaha MAPIM Bantu Asnaf Di 17 Negara Mendapat Pujian	29

#### **The Star**

Bright and airy trading spaces a welcome change	30
CLEAN TOILET CONTEST	31
PHOTO COMPETITION	32
Selayang council to come down hard on errant ratepayers	33

#### **The Sun**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



WATER LEVEL AT DAMS EXPECTED TO DROP	34
<b>The Edge CEO Morning Brief</b>	
MITI to look into forced labour allegation against Top Glove	35
Widad, Bin Zayed to jointly develop RM40 billion Widad@ Langkasuka	36
<b>Sin Chew Daily</b>	
PJ SS17 Pasar sorts and recycles garbage, saves RM4000 garbage disposal fee per month	37
Cement wall construction can not withstand rain erosion, mud flooded the parking lot for the second time	38
Sungai Pelek covered basketball court, opening ceremony held on Saturday	39
Amirudin: Selangor PH started the election operation room with focus on PN's three parliamentary seats	40
Selangor dam holds more than 90% of water, MB: Continue supervision to ensure adequate water supply	41
MB: The Selangor state assembly will be convened after Hari Raya at the soonest if MKN and Agong give the green light	42
<b>Nanyang Siang Pau</b>	
Selangor MB urges local government to help overcome difficulties; Provide a location for hawker operating.	43



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

### 31 March 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Penalti RM10 juta, penjara mandatori cemar sungai wajar
Muka Surat	:	15

# Penalti RM10 juta, penjara mandatori cemar sungai wajar

## Hukuman setimpal beri pengajaran kepada pesalah

Oleh Siti Haliza Yusop  
 bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kos pembersihan mencecah jutaan ringgit setiap kali sungai mengalami pencemaran, mewajarkan kerajaan menetapkan penalti maksimum RM10 juta dalam cadangan pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Nor Aziah Jaafar, berkata di Selangor, kerajaan negeri terpaksa membelanjakan RM8 juta bagi membersihkan

Sungai Semenyih yang tercemar hingga menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) airnya ditutup pada 2016.

Dalam kejadian itu, LRA Semenyih ditutup selepas satu cabang Sungai Semenyih iaitu Sungai Lalang dicemari sisa pepejal dari beberapa kilang menyebabkan bekalan air ke beberapa kawasan seperti Hulu Langat, Kuala Langat, Sepang dan Petaling terjejas.

"Pembersihan Sungai Semenyih yang tercemar pada masa itu membabitkan kos pembersihan RM8 juta, manakala pencemaran Sungai Kim Kim (Pasir Gudang) pula dilaporkan membabitkan kos RM6 juta.

"Berdasarkan beberapa senario ini, wajar angka bagi penalti maksimum itu dinaikkan kepada RM10 juta, disamping hukuman penjara mandatori bagi memberi pengajaran kepada pesalah pen-

cemar air.

"Kesan perbuatan pihak tidak bertanggungjawab ini menyebabkan kesukaran kepada jutaan akaun pengguna dan menjadi antara isu yang sering meresahkan rakyat Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian pada Forum Air Selangor anjuran Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) yang diadakan secara maya sempena Sambutan Hari Air Sedunia 2021 Peringkat Negeri Selangor bertemakan Menghargai Air.

Sesi kendalian Felo Akademi Sains Malaysia, Dr Salmah Zakariah itu turut disertai Pengarah LUAS, Hasrolnizam Shaari.

Februari lalu, Ketua Pengarah JAS, Norlin Jaafar berkata, pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kini sedang diperincikan pada peringkat Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) sebelum diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara.



Nor Aziah berkata, pindaan kepada akta itu juga dilihat bersesuaian bagi menangani cabaran terpaksa dihadapi pihak berkuasa dalam menangani sikap pelaku pencemaran yang disifatkannya sebagai sudah semakin licik.

"Pelaku kini tidak lagi menggunakan cara lama dengan mencampak bahan buangan dari tepi sungai. Kini, ia membabitkan rangkaian sindiket serta pelbagai proksi dan ini dikesan berdasarkan analisis jenayah alam sekitar terutama membabitkan pencemaran sumber air," katanya.

Sementara itu Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari ketika berucap pada perasmian forum itu berkata, hingga 22 Mac, sembilan kes pencemaran diambil tindakan sekali gus mengelakkan henti tugas LRA dan

gangguan bekalan air kepada pengguna.

Beliau berkata, kerajaan negeri melalui LUAS dan semua agensi berkaitan sentiasa siap siaga dan proaktif dengan langkah pencegahan melalui pemantauan 24 jam dan berkala bagi memastikan sumber air negeri terutamanya sungai terpelihara.

"Adalah menjadi hasrat saya melihat semua pihak untuk sama-sama berganding bahu bagi memastikan sumber air kita dapat terus dinikmati.

"Saya menyeru kepada semua untuk mengambil sikap cakna dan memainkan peranan masing-masing dalam memelihara dan memulihara sumber air kita bagi menyokong agenda pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat Selangor," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 31 March 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Bekalan air 3 kawasan dijangka pulih esok
Muka Surat	:	23

# Bekalan air 3 kawasan dijangka pulih esok

Kerja pengalihan,  
sambungan paip  
baharu babit  
Petaling Jaya,  
Klang, Shah Alam

Oleh Siti Haliza Yusop  
 bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekalan air di beberapa kawasan di Petaling, Klang dan Shah Alam yang terjejas akibat kerja pengalihan serta penyambungan paip baharu berhampiran sebuah kilang di Persiaran Selangor, Seksyen 15, Shah



**Elina Baseri**

Alam dijangka pulih sepenuhnya pagi esok.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elina Baseri, berkata bekalan air akan mula di-



**Penduduk flat Taman Bunga Negara, Seksyen 27, Shah Alam mengambil air dari lori tangki Air Selangor susulan gangguan bekalan air sejak jam 9 pagi semalam.**  
 (Foto Muhad Asyraf Sawal/BH)

salurkan secara berperingkat sebaik kerja itu selesai.

Beliau berkata, kerja pengalihan dan penyambungan paip baharu itu menyebabkan gangguan bekalan air berjadual di beberapa kawasan.

"Tempoh masa gangguan dan pemuliharaan bekalan air di kawasan terjejas adalah berbeza bergantung kepada kuantiti bekalan air, jarak lokasi premis pengguna dan tekanan air pada sistem aghnan bekalan air.

"Bekalan air di kesemua kawasan terjejas, dijangka akan pulih sepenuhnya pada jam 9 pagi Khamis ini (esok).

"Air Selangor juga akan menggerakkan 15 lori tangki air ke kawasan keutamaan kepada premis kritikal termasuk hospital dan pusat dialisis serta untuk upacara pengebumian," katanya dalam kenyataan media.

Kerja pengalihan dan penyambungan paip itu menyebabkan

gangguan bekalan air berjadual di lima kawasan di Petaling, 14 kawasan (Klang) dan 12 kawasan (Shah Alam) bermula jam 9 pagi semalam.

Untuk maklumat lanjut, layari laman [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) atau merujuk saluran komunikasi rasmi melalui aplikasi Air Selangor, Facebook, Instagram dan Twitter.

Orang ramai juga boleh menghubungi Pusat Perhubungan Air Selangor di talian 15300.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**31 March 2021**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Sasar pelaburan RM1000b
Muka Surat	:	3

Bin Zayed yakin nilai pelaburan meningkat pada masa akan datang

# Sasar pelaburan RM100b

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
 juani.bakar@mediamula.com.my

**KUALA LUMPUR:** Syarikat konglomerat Abu Dhabi, Bin Zayed International LLC meyasarkan untuk membawa masuk pelaburan bernilai RM100 bilion ke Malaysia untuk beberapa tahun akan datang.

Buat fasa permulaan ia memabatkan projek pembangunan Widad@Langkasuka di Pulau Langkawi, Kedah dengan kerjasama Widad Business Group Sdn. Bhd.

Pengarah Urusan Bin Zayed International LLC, Sheikh Midhat Kidwai berkata, pihaknya yakin projek itu akan menjadi salah satu projek ikonik Malaysia dengan mengangkat Pulau Langkawi ke peringkat global.

Jelas beliau, ia dapat membantu meningkatkan pemulihan ketara khususnya ekonomi Malaysia di samping mewujudkan lebih 30,000 peluang pekerjaan.

“Kami berikrar bahawa dengan hubungan kerjasama perniagaan ini, kedua-dua pihak berhasrat melabur lebih banyak dalam projek infrastruktur.

“Bermula Widad@Langka-



**MUHYIDDIN Yassin menyaksikan majlis memeterai perjanjian kerjasama oleh Mohd. Rizal Mohd. Jaafar dengan Sheikh Midhat Kidwai (duduk, kiri) di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Mohamed Azmin Ali, Muhammad Sanusi Md. Nor serta Pengerusi Widad Business Group, Tan Sri Muhammad Ikmal Opat Abdullah. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI**

suka, kami percaya pembabitan projek ini akan membawa lebih banyak FDI bernilai RM100 bilion untuk akan datang,” katanya dalam kenyataan semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin hadir menyaksikan majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara Widad Business Group

Sdn. Bhd. dan Bin Zayed International LLC.

Menerusi perjanjian itu, kedua-dua pihak bekerjasama bagi menyelaras dengan kerajaan negeri, perunding serta kontraktor berkaitan pembangunan infrastruktur dan pembinaan projek Widad@Langkasuka.

Perjanjian itu dimeterai oleh Pengarah Eksekutif Widad

Business Group Sdn. Bhd., Datuk Dr. Mohd. Rizal Mohd. Jaafar manakala Bin Zayed International LLC diwakili Sheikh Midhat Kidwai.

Turut hadir, Menteri Kanan (Perdagangan Antarabangsa dan Industri), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md. Nor.



**KERATAN AKHBAR**  
**31 March 2021**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	'Sajat, datanglah jumpa kami di JAIS'
Muka Surat	:	12

# 'Sajat, datanglah jumpa kami di JAIS'

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**  
utusannews@mediamulia.com.my

**SHAH ALAM:** 'Kehilangan' usahawan kosmetik, Muhammad Sajjad Kamaruzzaman atau lebih dikenali sebagai Sajat terus menjadi tanda tanya apabila ibu bapanya memaklumkan anak mereka itu tiada di rumah.

Perkara itu didedahkan Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof ketika pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan polis hadir ke kediaman keluarga Sajat baru-baru ini.

Menurut beliau, bagaimana-pun ibu bapa usahawan kosmetik itu memaklumkan tidak tahu anak mereka di mana.

"Polis dan JAIS sentiasa bekerjasama untuk menyelesaikan apa-apa kes sekalipun termasuk dalam kes Sajat ini. Suatu masa nanti, kita akan dapat menangkapnya.

"Jika benar dia ada di negara ini, datanglah berjumpa kita di JAIS untuk merungkai segala permasalahan.

"JAIS dan polis akan tetap meneruskan usaha dan tidak pernah berhenti menjajaknya yang dipercayai masih bersembunyi dalam negara," katanya

dalam sidang akhbar selepas hadir ke majlis sambutan ulang tahun ke-10 pengaktifan semula operasi Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. (Teras) di sini semalam.

Pada 23 Februari lepas, usahawan kosmetik itu dikenakan waran tangkap oleh Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam kerana tidak hadir sebutan semula kes berhubung menghina Islam.

Mengulas mengenai dakwaan mengatakan JAIS gagal dalam menangani isu Sajat, Abdul Aziz berkata, pihaknya meminta bantuan polis sebagai usaha untuk menyelesaikan kes tersebut dengan segera.

Jelasnya, dalam kes undang-undang tiada had masa yang kita tetapkan dan kes tersebut tiada keutamaan nombor satu, dua atau tiga.

"Jika Sajat benar-benar ada di negara ini datanglah berjumpa kita. Kita selesaikan isu ini tanpa perlu dia mempertikai apa yang kita lakukan setakat ini.

"Pintu JAIS sentiasa terbuka untuknya supaya hadir menjernihkan keadaan, tindakan mengeluarkan kenyataan di media sosial tidak menguntungkan sesiapa," katanya.



**SAJAT**



## KERATAN AKHBAR

31 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	15 lori tangki air di kawasan terjejas
Muka Surat	:	31

# 15 lori tangki air di kawasan terjejas

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**  
rohaizah.zainal@mediamulla.com.my

**SHAH ALAM:** Pengurusan Air Selangor Sdn.Bhd. (Air Selangor) menggerakkan 15 lori tangki air ke kawasan yang terjejas susulan kerja-kerja pengalihan dan penyambungan paip baharu di Persiaran Selangor Seksyen 15, di sini.

Air Selangor dalam satu kenyataan memaklumkan, pihaknya memberi keutamaan kepada premis kritikal terdiri daripada hospital dan pusat dialisis serta untuk upacara kematian.

"Bekalan air mula disalurkan selepas kerja-kerja siap dilaksanakan dan proses pemulihan bekalan air adalah secara berperingkat.

"Tempoh gangguan dan pemulihan bekalan air di kawasan-kawasan yang terjejas berbeza bergantung kepada kuantiti bekalan air, jarak lokasi premis pengguna dan tekanan air pada sistem agihan bekalan air," kata kenyataan itu.

Baru-baru ini, Air Selangor

memaklumkan 30 kawasan di tiga wilayah iaitu Petaling, Klang dan Shah Alam mengalami gangguan bekalan air selama 48 jam bermula semalam.

Gangguan bekalan air itu adalah susulan pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan aset utama secara berjadual berdasarkan kelulusan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Air Selangor dalam kenyataannya memaklumkan, gangguan air bermula pukul 9 pagi sehingga 9 malam pada 1 April.

Malah, gangguan air selama 68 jam dijadualkan berlaku di Wilayah Gombak dan Kuala Lumpur membabitkan 58 kawasan susulan kerja-kerja penggantian injap di jajaran paip air mentah dari Empangan Klang Gates yang menyebabkan henti tugas sementara Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Nanas dan Wangsa Maju.

Gangguan air dijadualkan berlaku pada 6 April bermula pukul 9 pagi hingga pukul 9 malam dan dijangka pulih sepenuhnya pada 9 April.



**KONTRAKTOR Air Selangor melakukan kerja-kerja menaik taraf saluran air di Seksyen 15 Shah Alam, Selangor. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI**



## KERATAN AKHBAR

31 March 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Kadar takungan air melebihi 90 peratus
Muka Surat	:	6

# Kadar takungan air melebihi 90 peratus

**Shah Alam:** Kadar takungan air di empangan seluruh Selangor sehingga 22 Mac lalu melebihi 90 peratus kecuali di empangan Sungai Tinggi dan empangan Sungai Langat masing-masing mencatatkan kapasiti 88.72 peratus dan 87.96 peratus.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari berkata, Jabatan Meteorologi Malaysia memaklumkan negara kini memasuki fasa kedua Monsun Timur Laut yang kurang taburan hujan, cuaca kering serta panas sehingga hujung bulan ini.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan paras air empangan dijangka mengalami penurunan.

“Lembaga Urus Air Selangor (Luas) sudah melaksanakan pemantauan rapi dan bersedia dengan langkah mitigasi bagi memas-

tikan kuantiti sumber air mencukupi dan bekalan air terawat berjalan dengan lancar,” katanya ketika merasmikan Forum Air Selangor bertemakan ‘Nilai Air’ sempena Hari Air Sedunia 2021 Peringkat Negeri Selangor secara maya semalam.

Beliau berkata forum itu bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat berhubung kepentingan sumber air dalam proses pembangunan yang memberi impak kepada kualiti, kuantiti dan alam sekitar.

“Permintaan ke atas air semakin meningkat selaras dengan perkembangan pesat kemajuan dan populasi yang semakin bertambah menjadikan kekurangan air sebagai salah satu cabaran utama di kebanyakan negara termasuk di Malaysia dan juga di Selangor,” katanya.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>31 March 2021</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Hulur sumbangan bantu komuniti
Muka Surat	:	11

Oleh Suliati Asri  
 suliati@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Ribut yang melanda Sepang pada Sabtu lalu meninggalkan kesan kepada komuniti di sekitarnya dan kejadian itu turut memusnahkan kediaman penduduk yang turut berdepan pandemik Covid-19.

Dalam usaha memikul tanggungjawab sosial, LBS Foundation sebagai platform tanggungjawab sosial korporat untuk Kumpulan LBS Bina komited memberikan bantuan dan sumbangan kepada mereka memerlukan.

Bagi membantu mangsa ribut terabit, LBS Foundation menyumbang RM3,000 dan 500 botol air minuman kepada Persatuan Penduduk Taman Seroja (PPTS).

Pengurus Kanan Jabatan Komunikasi Korporat, Media dan Digital, Amal Abd Aziz mewakili LBS Foundation menyerahkan replika cek kepada Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Seroja, Hairol Azman Razali disaksikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Sepang Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor dan Pegawai Daerah Pejabat Sepang Mohamad Zain A Hamid.

Sementara itu, Lembaga Pemegang Amanah LBS Foundation Tan Sri Lim Ho-



HAIROL Azman (tengah) dan Amirudin (dua dari kanan) menerima replika cek sumbangan LBS Foundation untuk mangsa ribut. Hadir sama (dari kiri) Shamsul Shahril, Amal dan Mohamad Zain.



# Hulur sumbangan bantu komuniti

**LBS Foundation serah RM3,000 bersama 500 botol air untuk penduduk sekitar Sepang terjejas akibat ribut**

ck San berkata, wabak Covid-19 sudah mempengaruhi kehidupan masyarakat ketika ini.

"Ribut yang berlaku ini memberi kesan yang lebih besar kepada kehidupan ke-

uarga yang terabit.

"Oleh itu, kami berharap sumbangan ini dapat membantu dan mengurangkan beban mangsa ribut," katanya.

Antara kawasan peruma-

han terjejas di PPTS adalah Taman Seroja, Taman Dahlia, Apartmen Seroja Hill, Apartmen Taman Dahlia, Kampung Baru Pekan Salak dan Kampung Salak Tengah. Sekolah yang turut ter-

jejas ialah Sekolah Rendah Taman Seroja, SK Taman Seroja dan SMK Bandar Baru Salak Tinggi.

Angin kencang dan hujan lebat berterusan mengakibatkan khemah dan perala-



Kami berharap sumbangan ini dapat membantu dan mengurangkan beban mangsa ribut"

Lim Hock San

tan di sekatan jalan Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang rosak.

LBS Foundation bersimpati dengan kejadian yang menimpa mangsa ribut dan berharap penduduk setempat dapat pulih secepat mungkin.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>31 March 2021</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Simpan air lebih awal
Muka Surat	:	21

**Penduduk terjejas sumber air ambil inisiatif sejak dua hari lalu**

Oleh Yusmizal Dotah Aling  
 yusmizal@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Notis awal yang diberikan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) membantu penduduk membuat persiapan dan menyimpan air bagi menghadapi gangguan bekalan bermula semalam. Tinjauan Harian Metro di beberapa lokasi di sekitar Shah Alam dan Klang mendapati setakat jam 4:30 petang, ada kawasan masih menerima bekalan air seperti biasa walaupun dijadualkan akan mengalami gangguan.

Penduduk di Taman Sri Andalas, Klang, Mahathir Kassim berkata, setakat ini bekalan diterima di kawasan perumahan itu adalah seperti biasa dan tiada gangguan.

Katanya, penduduk di situ juga sudah bersedia dengan menyimpan air secukupnya untuk kegunaan dalam tem-



**Simpan air lebih awal**

PENDUDUK setempat di flat Taman Bunga Negara, Seksyen 27, Shah Alam mengambil air dari lori tangki Air Selangor susulan gangguan bekalan air yang berlaku sejak 9 pagi, semalam.

**73%**  
 Peratusan kerja pengalihan dan penyambungan paip sudah disiapkan

poh 24 jam akan datang. "Setakat ini masih ada (air) lagi. Mungkin malam nanti ada gangguan tak pastilah.

"Tetapi penduduk di sini sudah menyimpan air sejak dua hari lalu selepas membaca notis pemberitahuan yang dikeluarkan Air Selangor," katanya.

Penduduk Pangsapuri Andora Sri Muda, Shah Alam yang mahu dikenali sebagai Andy, 60, berkata, kawasan kediamannya mula terputus bekalan air sejak tengah hari semalam.

Menurutnya, penduduk di situ sudah beberapa kali mengalami gangguan bekalan air dan bersedia dengan sebarang kemungkinan.

"Sebelum ini pernah terputus bekalan air, jadi kami memang sudah bersedia," katanya.

Kelmarin, media melaporkan sebanyak 89 kawasan di wilayah Gombak, Kuala Lumpur, Petaling, Klang dan Shah Alam akan mengalami gangguan air berjadual antara 48 hingga 68 jam bermula semalam

dan 6 April depan. Ia berikutan kerja-kerja penyelenggaraan secara berjadual yang dilakukan untuk beberapa aset utama Air Selangor.

Gangguan itu disebabkan kerja-kerja pengalihan dan penyambungan paip baharu berdekatan Kilang Carlsberg di Persiaran Selangor, Seksyen 15, Shah Alam yang bermula semalam.

Sementara itu, menerusi satu hantaran di Facebook, Air Selangor memaklumkan, kerja-kerja berkenaan sedang giat dijalankan.

Menurutnya, sehingga jam 5 petang, status kemajuan kerja-kerja pengalihan dan penyambungan paip baharu adalah pada tahap 73 peratus seperti yang dijadualkan.

"Kerja-kerja pengalihan dan penyambungan paip ini dijangka siap sepenuhnya pada jam 9 malam hari ini (semalam).

"Bekalan air akan mula disalurkan selepas kerja-kerja siap dilaksanakan dan proses pemuliharaan bekalan air adalah secara berperingkat-peringkat.

"Tempoh masa gangguan dan pemuliharaan bekalan air di kawasan terjejas adalah berbeza bergantung kepada kuantiti bekalan air, jarak lokasi premis pengguna dan tekanan air pada sistem aghian," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>31 March 2021</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Buruan polis, MAIS
Muka Surat	:	3



DARI kiri: Nicky, Eu Boon dan Sajad kini menjadi buruan pihak berkuasa atas kesalahan masing-masing.

**Sajad, pengasas Sugarbook dan Datuk Seri Nicky masih gagal dikesan**

# Di mana mereka?



**DARI kiri, Sajad, Eu Boon dan Nicky masing-masing dicari pihak berkuasa kerana mempunyai waran tangkap dan terlibat dengan jenayah komersial terbesar di negara ini.**

DUA dikenakan waran tangkap kerana gagal hadir ke mahkamah, manakala seorang lagi masih diburu kerana disyaki terlibat dengan sindiket penipuan dan perubahan wang haram terbesar di negara ini.

Mereka yang dikenakan waran tangkap ialah pengasas aplikasi Sugarbook, Chan Eu Boon, 34, yang didakwa menyebabkan ketakutan kepada orang awam dan usahawan kosmetik kontroversi, Muhammad Sajad Kamaruzzaman, 36, kerana berpakaian wanita di khalayak awam. Datuk Seri Nicky Low Soon Hee, 33, pula masih diburu bagi membantu siasatan kumpulan jenayah terancang.

Sehingga kini, ketiga-tiga individu itu masih gagal dikesan dan sesiapa yang mempunyai maklumat diminta menghubungi pihak berkuasa. **\*BERITA PENUH DI MUKA 3**

## Sajad, Nicky dan pengasas Sugarbook bersembunyi Buruan polis, MAIS

Oleh NUR HUDA MUSA DAN ABDUL RAZAK IDRIS

**KUALA LUMPUR** - Dalam beratus orang yang dicari, tiga individu kini menjadi tumpuan pihak berkuasa tempatan kerana mempunyai waran tangkap ekoran gagal hadir ke mahkamah dan terlibat dengan kes jenayah komersial terbesar di negara ini.

Mereka ialah usahawan kosmetik kontroversi, Muhammad Sajad Kamaruzzaman, 36, pengasas Sugarbook, Chan Eu Boon, 34, dan ketua sindiket perubahan wang haram terbesar, Datuk Seri Nicky Low Soon Hee, 33.

Ketiga-tiga mereka ini dicari kerana sehingga kini pihak berkuasa masih belum menemui mereka sama ada kekurangan maklumat mahupun ada tali barut yang memberi maklumat mengenai operasi yang dilakukan.

Muhammad Sajad atau dikenali sebagai 'Sajad' dicari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) selepas Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor mengeluarkan waran tangkap ekoran keagalannya hadir pada prosiding sebutan semula kerana berpakaian wanita di khalayak ramai.

Eu Boon pula dikenakan waran tangkap selepas gagal hadir sebutan semula kes di Mahkamah Majistret Shah Alam atas pertuduhan mendatangkan kegusaran kepada orang awam.

Ini berentangan dengan kenyataannya sebelum ini yang mengatakan: "Saya bersedia memberikan kerjasama penuh kepada polis bagi membantu siasatan berhubung dakwaan mahasiswa di Lembah Klang menggunakan Sugarbook bagi mencari sugar daddy".

Nicky pula dicari kerana menjadi ketua penjenayah komersial terbesar negara. Kumpulan itu berjaya dilumpuhkan baru-baru ini, namun Nicky berjaya lolos kerana ada tali barut dalam pasukan polis yang membocorkan maklumat itu kepadanya.



**ABDUL HAMID** (tengah) menunjukkan sebahagian barangan yang dirampas daripada Geng Nicky pada sidang akhbar di Bukit Aman semalam.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata, usaha mengesan Nicky masih giat dijalankan walaupun berjaya menangkap anggota sindiket termasuk adiknya di sekitar Lembah Klang.

"Dia dipercayai masih berada dalam negara," katanya pada sidang akhbar di Bukit Aman semalam.

Abdul Hamid berkata, Geng Nicky juga bahaya kerana disyaki melantik gengster sebagai pengawal peribadi.

"Saya dimaklumkan sindiket ini buas serta ganas kerana melakukan tindakan memukul, mengugut pekerja-pekerjanya yang didapati cuba keluar daripada kegiatan sindiket mereka."

"Hampir kesemua aset yang diperoleh juga dibeli secara tunai untuk mencuci wang haram," katanya yang menganggarkan aset Nicky bernilai RMI bilion merangkumi saham, hartanah, mata wang digital dan wang tunai.

Dalam pada itu, Pengerusi MAIS, Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof berkata, usaha memburu Sajad tidak terhenti dan tiada tempoh masa ditetapkan untuk memberkasnya.

"Kita ada pergi ke rumahnya dan tanya ibu bapanya, namun mereka tidak tahu. Kita yakin akan menangkapnya nanti."

"Dia yang menghilangkan diri bukan kami. Dakwaan dia (menurus video di Instagram) pihak berkuasa tidak mencarinya tidak tepat. Kita ada, dia yang hilang," katanya.

Tambahnya, MAIS mengambil serius berhubung waran tangkap itu walaupun tidak meletakkan ranking ke atas kes tersebut.

"Saya yakin dia akan sedar dan datang sendiri. Kita bincang untuk keabahan diri dia dan agama Islam. Islam itu adil dan bukan hendak terus aniaya seseorang, datanglah apa nak takut."

"Tabatan Agama Islam Selangor dan Polis Diraja Malaysia sentiasa bekerjasama untuk menyelesaikan apa kes sekalipun termasuk berkaitan Muhammad Sajad," katanya.

Sajad dikenakan waran tangkap sejak 23 Februari oleh Mahkamah Tinggi Syariah di sini selepas gagal hadir prosiding sebutan semula pertuduhan berpakaian menyerupai wanita sehingga menyebabkan agama Islam dipandang hina.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **31 March 2021**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	MBSA tawar hadiah fotografi
Muka Surat	:	18

# MBSA tawar hadiah fotografi

**SHAH ALAM** – Peminat seni fotografi berpeluang memenangi hadiah keseluruhan bernilai RM35,000 yang ditawarkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menerusi pertandingan fotografi Shah Alam 2021 bertemakan 'Kami Sayang Shah Alam'.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad, pertandingan yang bermula 20 Mac sehingga 1 September 2021 itu bertujuan menggalakkan masyarakat untuk menghargai serta mencin-

tai bandar raya Shah Alam.

Katanya, para peserta boleh mengambil foto di tempat menarik sekitar Shah Alam seperti lokasi pelancongan, bangunan, monumen, tasik, taman atau landskap.

"Setiap fotografi dinilai berdasarkan beberapa aspek termasuk tema, komposisi, keaslian dan kreativiti," katanya.

Lima kategori dipertandingkan iaitu Bangunan atau Mercu Tanda, Alam Semulajadi, Gaya Hidup, Aset-Aset Majlis dan Budaya Norma Baharu.



**MASJID Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah salah satu ikon Shah Alam.**



## KERATAN AKHBAR 31 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Air Selangor lakukan kerja pengalihan, penyambungan paip
Muka Surat	:	12

### Air Selangor lakukan kerja pengalihan, penyambungan paip

**SHAH ALAM** - Kerja-kerja pengalihan dan penyambungan paip baharu berdekatan kilang Carlsberg di Persiaran Selangor Seksyen 15, Shah Alam dilakukan pada pagi Selasa.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elena Basri berkata, kerja-kerja itu dimulakan pada jam 9 pagi mengikut jadual seperti yang diumumkan pada 24 Mac lalu.

"Bekalan air mula disalurkan selepas kerja-kerja siap dilaksanakan dan proses pemulihan bekalan air adalah secara berperingkat-peringkat.

"Tempoh masa gangguan dan pemulihan bekalan air di kawasan yang terjejas adalah berbeza bergantung kepada

kuantiti bekalan air, jarak lokasi premis pengguna dan tekanan air pada sistem agihan bekalan air," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, kerja-kerja pengalihan dan penyambungan paip menyebabkan gangguan bekalan air berjadual di lima kawasan di Petaling, 14 kawasan di Klang dan 12 kawasan di Shah Alam.

"Bekalan air dijangka pulih sepenuhnya pada jam 9 pagi Khamis," kata beliau lagi.

Katanya, Air Selangor menggerakkan sebanyak 15 lori tangki air ke kawasan yang terjejas dengan memberikan keutamaan kepada premis kritikal yang terdiri daripada hospital dan pusat dialisis serta untuk upacara pengebumian.



Kerja pengalihan dan penyambungan paip baharu di Persiaran Selangor Seksyen 15, Shah Alam sedang dijalankan.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 31 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kadar takungan air empangan Selangor lebih 90 peratus
Muka Surat	:	12



AMIRUDIN

### Kadar takungan air empangan Selangor lebih 90 peratus

**SHAH ALAM** - Kadar takungan air di empangan seluruh Selangor sehingga 22 Mac melebihi 90 peratus kecuali di Empangan Sungai Tinggi dan Empangan Sungai Langat iaitu masing-masing pada kapasiti 88.72 peratus dan 87.96 peratus.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, menurut Jabatan Meteorologi Malaysia, negara kini telah me-

masuk ke fasa kedua Monsun Timur Laut yang kurang taburan hujan, cuaca kering serta panas sehingga hujung bulan ini dan menyebabkan paras air empangan dijangka mengalami penurunan.

"Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah melaksanakan pemantauan rapi dan bersedia dengan langkah mitigasi bagi memastikan kuantiti sumber air

mencukupi dan bekalan air terawat berjalan dengan lancar," katanya ketika merasmikan Forum Air Selangor yang bertemakan 'Nilai Air' sempena Hari Air Sedunia 2021 Peringkat Negeri Selangor secara maya pada Selasa.

Beliau berkata, forum itu bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan sumber air dalam proses

pembangunan yang memberi impak kepada kualiti, kuantiti dan alam sekitar.

"Permintaan ke atas air semakin meningkat selaras dengan perkembangan pesat kemajuan dan populasi yang semakin bertambah menjadikan kekurangan air sebagai salah satu cabaran utama di kebanyakan negara termasuk di Malaysia dan juga di Selangor," katanya. - *Bernama*



**KERATAN AKHBAR**  
**31 March 2021**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	'Kami terpaksa mandi di plaza tol'
Muka Surat	:	12

# 'Kami terpaksa mandi di plaza tol'

Ruang yang sempit  
 sukarkan penduduk  
 menyimpan air  
 dalam rumah

Oleh ENGGU SHARIFUL AZNI

**SHAH ALAM**

**“K**alau bekalan air habis, mungkin kami sekeluarga terpaksa mandi di plaza tol berdekatan.”

Itu keluhan seorang penduduk yang ingin dikenali sebagai Nora apabila dimaklumkan bahawa lori air tidak datang ke kawasan perumahan di Flat Proton, Seksyen 27 di sini.

Tinjauan *Sinar Harian* pada Selasa mendapati penduduk di sini resah sebaik mengetahui lori air tidak datang ke kawasan itu memandangkan mereka tidak mampu menyimpan air dalam tempoh yang lama kerana ruang rumah sempit.

Nora berkata, walaupun pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) memberi makluman awal berkenaan gangguan air berjadual namun dia tetap khuatir simpanan air di rumah tidak mencukupi.

“Jika gangguan air berlaku selama dua hari, kami sekeluarga masih boleh bertahan.

“Tapi kalau berlarutan lebih daripada yang dimaklumkan, susahlah kami kerana macam mana kami nak simpan air di rumah flat yang sempit ini,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.



Penghuni di Flat Proton, Seksyen 27, Shah Alam mengalami kesukaran untuk menyimpan air untuk jangka masa lama kerana ruang rumah yang sempit.

Seorang lagi penghuni dikenali sebagai Che Nah turut melauhkan perkara sama berkenaan air simpanan yang mungkin tidak mampu bertahan dalam tempoh yang panjang.

Menurutnya, jika bekalan air tidak mencukupi, dia akan menghubungi pihak Air Selangor untuk menghantar bekalan air ke kawasan tersebut.

“Tapi selalunya mereka tidak akan hantar ke sini, jadi kami terpaksa ke lokasi lain yang ditetapkan oleh mereka yang ada kalanya jauh dari rumah kami.

“Kalau bekalan air habis, saya akan pergi ke Puchong kerana di sana jarang berlaku masalah gangguan air,” katanya.

Sementara itu, seorang penghuni yang dikenali sebagai Norizan berkata, lori tangki air biasanya akan datang pada hari terakhir gangguan air berlaku.

Namun begitu, dia gusar jika

gangguan tersebut berlarutan walaupun sudah membuat persiapan menghadapi masalah tersebut.

Air Selangor dalam satu kenyataan memaklumkan mula melaksanakan kerja penyelenggaraan aset utama secara berjadual berdasarkan kelulusan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan kerja-kerja melibatkan pengalihan serta penyambungan paip baharu di Persiaran Selangor, Seksyen 15 di sini menyebabkan gangguan bekalan air selama 48 jam.

“Sebanyak lima kawasan di daerah Petaling dan 14 kawasan di Klang serta 11 kawasan di Shah Alam mengalami gangguan air pada 30 Mac bermula jam 9 pagi.

“Kerja-kerja ini dijalankan pada 30 Mac dan bekalan air dijangka pulih sepenuhnya pada 1 April,” kata kenyataan itu.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>31 March 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Budaya rasuah kini berevolusi
Muka Surat	:	14

# Budaya rasuah kini berevolusi

Terjadi dalam pelbagai bentuk tanpa disedari masyarakat

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

**B**udaya rasuah pada masa kini telah berevolusi dan tidak hanya tertumpu kepada pemberian wang semata-mata.

Ketua Sekretariat Rasuah Busters, Nurhayati Nordin berkata, aktiviti rasuah kini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk tanpa disedari masyarakat antaranya melibatkan tawaran seks, makanan, pemarkahan peperiksaan dan pelbagai lagi.

Menurutnya, pemberian rasuah juga telah bertukar ke dalam bentuk keperluan masyarakat sejajar dengan peredaran zaman pada masa kini.

"Disebabkan itulah, kalau kita dapat kembali kepada sistem kepercayaan, pemikiran kita dapat membuat penilaian yang terbaik sebelum memilih sesuatu tindakan.

"Syaratnya, kita kena sedar dahulu



Mohd Hasnul (empat dari kanan) bersama Hashim (tiga dari kanan) dan Nurhayati (dua dari kanan) membacakan Ikrar Bebas Rasuah di Hotel De Palma pada Selasa.

dan disebabkan itulah kempen Rasuah Busters ini adalah untuk menyedarkan dan kemudiannya barulah dapat mengelak tindakan berkenaan (rasuah)," katanya.

Nurhayati berkata demikian menerusi penerangan mengenai gerakan kempen Rasuah Busters pada Majlis Perhimpunan Tahunan 2021 dan Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Pengaktifan Semula Operasi Teraju Ekonomi Asnaf

Sdn Bhd (Teras) di Hotel De Palma pada Selasa.

Hadir sama pada majlis berkenaan adalah Pengurus Besar Teras, Mohd Hasnul Redza Abd Rahim dan Pengurus Kanan Tugas-Tugas Khas Kumpulan Karangkrif, Hashim Anang.

Sementara itu, Mohd Hasnul berkata, Teras akan memastikan setiap kakitangannya dapat bersama-sama menaikkan tanggungjawab bagi

menggelakkan diri daripada terlibat dengan budaya rasuah.

"Teras menyokong kempen Rasuah Busters ini malah kami juga sudah gerakkan kesedaran untuk membasmi budaya rasuah dalam kalangan kakitangan sejak tahun 2017 lagi," katanya.

Mengulas mengenai program berkenaan, Mohd Hasnul berkata, seramai 88 kakitangan Teras telah mengikuti majlis itu terdiri daripada beberapa sektor seperti operasi dan sokongan.

Beliau berkata, buat masa ini, Teras dipertanggungjawabkan untuk mengagihkan bantuan makanan bulanan kepada kira-kira 13,500 asnaf seluruh Selangor secara terus ke rumah.

"Kita juga diminta membantu menyediakan keperluan sekolah kepada keluarga asnaf di tiga daerah iaitu Kuala Langat, Sepang dan Hulu Langat.

"Malah kami turut giat membantu Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam aspek pembangunan asnaf, fakir dan muafak di negeri ini," katanya.

Dalam majlis berkenaan, Mohd Hasnul mengetuai pegawai dan kakitangan Teras menurunkan tandatangan pada kertas kanvas sebagai simbolik kepada Ikrar Bebas Rasuah.





## KERATAN AKHBAR 31 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kerajaan Selangor sokong Tabung Infaq Ramadan Mapim
Muka Surat	:	24

### Kerajaan Selangor sokong Tabung Infaq Ramadan Mapim

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor menyokong projek Tabung Infaq Ramadan anjuran Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim) untuk membantu mangsa kekejaman di 17 negara bergolak.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, inisiatif itu selari dengan peranan yang dimainkan badan bukan kerajaan (NGO) itu yang sentiasa mengambil berat isu kemanusiaan umat Islam seluruh negara.

Menurutnya, beliau kagum dengan usaha pihak Mapim terutama Presidennya, Mohd Azmi Abd Hamid yang terlibat dalam aktiviti kemanusiaan sejak sekian lama.

“Kerajaan negeri menyokong usaha Mapim yang mana sebahagian besar projek Tabung Infaq Ramadan akan dilaksanakan di Selangor.

“Saya anggap ini contoh yang bagus bagaimana rakyat boleh menjadi seorang yang prihatin serta cakna dengan persekitaran mereka seterusnya

membawa diri ke arah lebih baik,” katanya ketika merasmikan Tabung Infaq Ramadan pada Malam Ambang Ramadan di Restoran Kak Anie Shellrock, Tasik Shah Alam di sini pada Isnin.

Dalam pada itu, Mohd Azmi bangga dengan sambutan daripada pimpinan tertinggi kerajaan Selangor yang menunjukkan komitmen untuk menyokong inisiatif anjuran Mapim.

Menurutnya, projek Tabung Infaq akan diteruskan hingga akhir Syawal untuk mengumpulkan dana bagi membantu 17 negara Islam di Asia dan Timur Tengah yang sedang bergolak dengan pelbagai konflik.

“Setakat ini jumlah dana yang terkumpul untuk projek tersebut ialah sebanyak RM20,000 dengan jumlah sasaran sebanyak RM500,000.

“Tapi setiap kali capai kutipan RM20,000, kita akan terus salurkan kepada negara-negara yang memerlukan bantuan,” katanya.



Pengerusi Sekretariat Himpunan Ulama Rantau Asia (SHURA), Datuk Abdul Ghani Shamsuddin (kiri) menyerahkan mockup cek kepada Mohd Azmi (kanan) bersama Amirudin (tengah) pada Malam Ambang Ramadan di Restoran Kak Anie Shellrock, Tasik Shah Alam pada Isnin.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>31 March 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Hijrah Selangor bantu 70,752 usahawan
Muka Surat	:	30

# Hijrah Selangor bantu 70,752 usahawan

Catat RM554.54 juta pinjaman sejak 2015

Oleh ENGU SHARIFUL AZNI

SHAH ALAM

